



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BIL.6/ 2018

### PERMOHONAN PENGUNDIAN POS LUAR NEGARA DIBUKA MULAI 23 JANUARI 2018

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin memaklumkan bahawa mulai **23 JANUARI 2018 (SELASA)**, warganegara Malaysia yang berdaftar sebagai pemilih dan layak mengundi pada hari pengundian tetapi berada di luar negara boleh memohon untuk mengundi melalui pos dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan datang.
2. SPR telah menetapkan syarat-syarat bagi menunjukkan terdapat hubungan yang jelas di antara warganegara Malaysia dengan tanah airnya. Oleh itu, untuk memohon kemudahan mengundi melalui pos, warganegara Malaysia yang berada di luar negara hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - i) mestilah seorang pemilih berdaftar (kategori Pengundi biasa dan bukan Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara);
  - ii) pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang dari 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa;
  - iii) menetap di luar negara (**KECUALI bagi mereka yang tinggal di selatan Thailand (wilayah Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan wilayah Kalimantan Indonesia tidak layak diberikan kemudahan untuk mengundi melalui pos dan perlu balik mengundi pada hari pengundian dijangkakan.**)

